



IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA  
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4  
PUTRAJAYA, MALAYSIA  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: +603 - 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)  
Email: kp@dvs.gov.my



## KENYATAAN MEDIA DARIPADA

### KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

#### BANTUAN MENYELAMATKAN HAIWAN YANG MENJADI MANGSA BANJIR

Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Malaysia (DVS) telah mengambil beberapa inisiatif bagi membantu penternak dan haiwan ternakan yang menjadi mangsa banjir yang melanda beberapa negeri di Malaysia baru-baru ini.

Ketika bencana banjir, DVS akan membantu penternak dalam menyelamatkan ternakan mereka dan seterusnya menjalankan bincian kematian ternakan dan kerugian untuk tujuan bantuan ehsan.

Untuk pertama kalinya, DVS juga telah mengagihkan makanan ternakan kepada penternak terlibat ketika banjir. Sehingga 6 Januari 2015 sejumlah 234.3 tan telah diagihkan dengan kerjasama Kelab Generasi Transformasi Ruminan (GTR). Agihan makanan tersebut telah sedikit sebanyak mengurangkan kadar kematian ternakan dan kerugian kepada penternak kerana rumput di kawasan bencana banjir telah masam dan mati.

DVS amat menghargai bantuan GTR di samping pelbagai kelab dan individu pencinta haiwan lain yang juga banyak membantu ketika menghadapi krisis banjir ini.

Bagi memperkuatkan lagi operasi DVS di masa hadapan, beberapa inisiatif telah diambil bagi persediaan menghadapi bencana seperti banjir ini. DVS akan merangka satu Arahan Prosedur Tetap (SOP) bagi menyelamatkan haiwan ternakan ketika bencana berlaku dengan berpandukan pada "Livestock Emergency Guidelines and Standards (LEGS)" yang telah dibangunkan di peringkat Antarabangsa ini. SOP yang bakal dibuat ini akan diubahsuai agar ianya sesuai dengan kedaan di Malaysia. SOP ini akan menerangkan cara-cara menyelamatkan haiwan ternakan ketika bencana berlaku, juga menerangkan kaedah yang perlu diambil tindakan semasa fasa pemulihan serta rancangan jangka panjang.

DVS juga akan mengembangkan serta menambahbaik fungsi serta struktur pusat krisis yang sebelumnya lebih tertumpu kepada krisis penyakit haiwan sahaja untuk meliputi krisis kebajikan haiwan semasa dan selepas bencana alam berlaku. Dengan adanya pusat krisis ini, penternak bolehlah menghubungi DVS ketika musibah berlaku bagi mendapatkan bantuan.

Selain itu, DVS juga mengambil langkah melengkapi dan mengembangkan lagi pusat hadapan pengurusan krisis penyakit haiwan kepada kesiapsiagaan menghadapi bencana kebanjiran. Pusat berkenaan akan juga dilengkapkan dengan kemudahan menghadapi banjir untuk kebajikan haiwan.

Diharapkan dengan langkah yang bakal dan telah diambil oleh DVS ini, jumlah ternakan yang mati akibat bencana alam dapat dikurangkan di masa hadapan seterusnya mengurangkan kerugian kepada penternak. Dengan kadar kematian yang rendah, kos perbelanjaan juga dapat dijimatkan.

Kita juga mengharapkan agar para penternak mengambil iktibar untuk mematuhi garis panduan yang disediakan mengenai pemilihan lokasi ladang. Panduan DVS menetapkan agar ladang dibangunkan di kawasan yang tidak mudah ditenggelami air dan jauh dari bencana alam. Penternak juga lebih awal perlu mengenalpasti lokasi selamat untuk memindahkan ternakan sebelum banjir berlaku.

Penternak juga perlu memastikan stok makanan haiwan ternakan disimpan di tempat yang selamat sebelum musim banjir.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

- Selepas 31 Disember 2014, aktiviti DVS lebih tertumpu kepada kebajikan haiwan ternakan seperti memberikan rawatan serta mengagihkan makanan ternakan serta membuat verifikasi kerugian akibat daripada banjir.